

28 SEP 2001

Mahathir-Bosnia

M'SIA AKAN TERUSKAN BANTUAN KEPADA PBB SELAGI MAMPU, KATA PM

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Malaysia akan terus membantu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam sebarang misi pengaman selagi keadaan negara mengizinkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata Malaysia bersedia membantu kerana buat masa ini ia mampu daripada segi kewangan dan kebolehan.

"Dan kita akan teruskan (bantuan ini) jika dikehendaki oleh PBB," katanya semasa melancarkan buku "Malbatt dan Malcon di Bosnia Herzegovina: Imbasan Kembali" di Auditorium Kementerian Pertahanan di sini.

Beliau berkata memandangkan banyak pembunuhan dan penganiayaan berlaku di dunia, tidak banyak negara yang mampu membantu.

Katanya sesetengah negara mungkin kaya tetapi tidak berupaya untuk membantu disebabkan mereka kekurangan kemahiran.

Buku setebal 171 muka surat itu, terbitan Markas Tentera Darat, menceritakan mengenai pengalaman pegawai tentera Malaysia yang menganggotai Malbatt (Batalion Malaysia) dan Malcon (Kontinjen Malaysia) yang terlibat dalam misi pengaman di Bosnia dan Herzegovina.

Dr Mahathir berkata untuk menyertai misi pengaman ini, adalah penting bagi Malaysia mengukuhkan enomomi supaya Malaysia menjadi negara maju.

Katanya anggota tentera Malaysia telah terlibat dalam misi pengaman PBB sejak sekian lama.

Ia bermula di Kongo, Kemboja, Somalia dan terakhir di Bosnia dan anggota tentera Malaysia diterima masyarakat tempatan kerana sikap profesionalisme, kecekapan dan tahap disiplin mereka yang tinggi, katanya.

Perdana Menteri berkata ketika berlaku penganiayaan dan pembunuhan terhadap masyarakat Islam di Bosnia, banyak negara besar yang bermesyuarat berminggu-minggu, tetapi akhirnya tidak berbuat apa-apa bagi mengelakkan penindasan terus berlaku di negara itu.

Tetapi Malaysia segera menyambut permintaan PBB untuk menghantar pasukan pengaman, atas prinsip membantu mereka yang teraniaya tanpa mengira kaum dan agama.

Dr Mahathir berkata ketika PBB memberhentikan pembiayaan kepada pasukan pengaman, banyak negara yang terpaksa menarik balik tentera masing-masing.

"Tetapi bagi Malaysia, kita tidak tarik balik tentera kita kerana kita ada peruntukan dan kemampuan sendiri dalam mengendalikannya," katanya.

Beliau berkata kira-kira 200,000 termasuk orang awam terutama orang Islam di Bosnia telah dibunuh dan dianiayai, tetapi tidak banyak negara yang menghulurkan bantuan.

Beliau berbangga kerana sehingga kini misi tentera Malaysia di luar negeri melakukan tugas yang baik dan tidak pernah mencemar nama baik negara.

Dr Mahathir turut menyambut baik akan bakti yang disumbangkan oleh pasukan tentera dengan berkata: "jika tidak ada tentera, negara tidak aman dan dengan ini kemajuan tidak dapat dilakukan."

-- BERNAMA

HT HT RON